

Pulihkan semua sektor ekonomi

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
farahin.hussin@mediarunut.com.my


PETALING JAYA: Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK) yang bakal dibentangkan perlu menumpukan kepada pemuliharaan semula semua sektor ekonomi seperti sebelum pandemik melanda, terutamanya sektor pelancongan, peruncitan, sukan dan hiburan.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, berbanding tahun-tahun sebelumnya, RMK-12 mempunyai hala tuju yang lebih besar dan tanggungjawab yang lebih holistik kesan daripada pandemik sejak tahun lalu.

Ujarnya, kerajaan juga perlu berusaha mengembangkan ekonomi digital seperti mempercepat adaptasi revolusi industri 4.0 dan meluaskan rangkaian 4G dan 5G ke seluruh negara.

"Perkara ini penting untuk keseluruhan pemuliharaan ekonomi memandangkan kita perlu hidup dengan norma baru di mana capaian teknologi amat diperlukan bagi memastikan kita dapat hidup dengan tetap mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah penularan Covid-19.

"Selain itu, kerajaan perlu membudayakan penyelidikan dan teknologi kepada semua lapisan masyarakat dari pra-sekolah hingga pasca-siswazah kerana ia penting bagi mewujudkan nilai tinggi penciptaan seterusnya mengembangkan teknologi setara



SEKTOR pelancongan antara paling teruk terjejas disebabkan penularan pandemik Covid-19 dan memerlukan sokongan kerajaan untuk industri kembali pulih sepenuhnya. - GAMBAR HIASAN

dengan negara-negara maju," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

RMK-12 dijadual dibentangkan di Parlimen pada 27 September ini dilaporkan bakal membincangkan isu utama yang akan ditangani dalam tempoh lima tahun akan datang termasuk merapatkan jarak pembangunan negeri dan kawasan di negara ini dalam tempoh

sederhana dan jangka panjang.

Rancangan itu turut menumpukan jurang pendapatan antara golongan B40, M40 dan T20 khususnya yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Mengulas lanjut, Aimi Zulhazmi menegaskan, RMK-12 perlu mewujudkan peluang pekerjaan mahir dan disesuaikan dengan pelaburan langsung asing (FDI)

yang masuk ke negara ini dan paling utama, institusi pengajian negara harus melahirkan graduan berkemahiran tinggi.

"Dengan itu, kita dapat mengekalkan isu pengangguran seperti yang berlaku sekarang kerana graduan tidak mendapat peluang pekerjaan yang setimpal dengan apa yang mereka pelajari di universiti.

"Bagi memastikan kemuda-

Kerajaan juga perlu berusaha mengembangkan ekonomi digital seperti mempercepat adaptasi revolusi industri (IR4.0) dan meluaskan rangkaian 4G dan 5G ke seluruh negara."

han rakyat, kerajaan diharap dapat menyediakan keperluan perumahan mampu milik yang mencukupi, selain meningkatkan pendapatan rakyat, memulihkan pendapatan golongan B40, M40 serta mengurangkan populasi rentan," ujarnya.

Tambah beliau, selain daripada pemuliharaan sektor-sektor tersebut, kerajaan perlu menggembangkan peningkatan sektor ekonomi yang berkembang pesat sewaktu pandemik seperti sektor pembuatan sarung tangan, edagang, elektrik dan elektronik serta logistik.

"Hal ini perlu diambil kira bagi mengukuhkan dan mengembangkan ekosistem serta rantai nilai untuk menguatkan kedudukan Malaysia sebagai negara pembekal utama dunia," jelasnya.